



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ABDUL AZIZ MAHMUD  
KETUA POLIS DAERAH TANAH MERAH**

**OLEH:**

**AHMAD NOR MAASOM BIN AGOS SALIM 2011761267**

**MUHAMMAD HASIF BIN AHMAD MAZLAN 2012965195**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK OMAR B. MD HASHIM (OMARA)  
PENGIAT SENI BORIA PULAU PINANG**

**OLEH:**

<b>AHMAD NOR MAASOM BIN AGOS SALIM</b>	<b>2011761267</b>
<b>MUHAMMAD HASIF BIN AHMAD MAZLAN</b>	<b>2012965195</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

## Penghargaan

Salam penghargaan kami hулurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugas IMR 603 (Documenting Oral History) kami ini. Assalamualaikum w.b.t diucapkan. Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Kamariah Chik, pensyarah IMR 603 di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan dorongan beliau di dalam menyelesaikan tugas ini. Tanpa bantuan dan maklumat daripada beliau, kami mungkin tidak dapat menyelesaikan tugas ini dengan jayanya. Di samping itu, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada saudara Abdul Aziz Mahmud sebagai tokoh yang kami temubual bagi berkongsi pengalaman beliau sebagai anggota polis sejak tahun 1982 sehingga sekarang. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan transkrip ini. Kami ingin menghargainya dan kami akan menjadikannya sebagai perangsang untuk menyiapkan transkrip ini dengan bersungguh-sungguh. Seterusnya, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kawan-kawan yang turut memberi kerjasama dan sedia berkongsi pendapat bersama kami. Kami mendoakan agar mereka Berjaya dalam menyiapkan transkrip ini. Sekian, terima kasih.

## Isi Kandungan

<b>Tajuk</b>	<b>Mukasurat</b>
Penghargaan	1
Isi Kandungan	2
Abstrak	3
Pengenalan	4
Biodata tokoh	5
Transkrip	6-27
Senarai soalan	28-31
Log temubual	32-38
Indeks	39-43
Lampiran	

## **Abstrak**

**Transkrip temubual bersama saudara Abdul Aziz Mahmud mengenai pengalaman beliau sebagai anggota polis yang telah berkhidmat di Malaysia dari tahun 1982 sehingga sekarang.**

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama saudara Abdul Aziz Mahmud mengenai pengalaman beliau sebagai anggota polis dari tahun 1982 sehingga sekarang. Secara ringkasnya, saudara Abdul Aziz Mahmud merupakan seorang anggota polis yang telah berkhidmat dalam institusi polis dan tidak langsung dalam setiap peristiwa pahit, manis suka dan duka. Menurut saudara Abdul Aziz Mahmud beliau sudah berkecimpung dalam unit beruniform ini sejak berumur 24 tahun. Beliau telah melalui berbagai-bagai pengalaman dan peristiwa ketika berkecimpung dalam unit beruniform ini dan banyak membantu beliau dalam membantu membentaras jenayah di dalam negara ini serta memastikan keadaan sentiasa selamat untuk orang awam duduki. Sehingga kini beliau telah begelar Ketua Polis Tanah Merah dari tahun 2008 hingga sekarang.*

**Kata kunci:** polis, PDRM, temubual, PULAPOL, pengalaman, beruniform

## Pengenalan

Dokumentasi sejarah lisan merupakan satu subjek yang mementingkan pemeliharaan sejarah yang tidak dapat direkodkan sebelum ini, dan juga sebagai memori kepada peristiwa yang telah dijadikan sesuatu bukti sejarah. Di samping itu, sejarah lisan juga membantu memperkayakan sumber-sumber sejarah dan sebagai bahan pendidikan kepada generasi sekarang umumnya. Sejarah lisan yang direkodkan ini sangat berguna kepada persatuan-persatuan sejarah lisan di negara kita bagi memudahkan maklumat diperolehi melalui wawancara yang dijalankan. Kecekapan dan kebijaksanaan penemubual akan membantu tokoh yang diwawancara untuk memberikan maklumat secara tepat dan terperinci tentang sesuatu soalan yang diajukan oleh penemuramah.

Sejarah lisan yang direkodkan ini merupakan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada seorang anggota polis yang berkhidmat bagi membantu membentaras jenayah yang berlaku di dalam Malaysia. Sehingga kini, kepentingan sejarah lisan ini telah terbukti dapat memberikan nilai kebolehpercayaan dan ketepatan yang tinggi penggunaannya kepada masyarakat zaman sekarang. Di samping itu ia juga dapat memberi kesedaran tentang kepentingan unit beruniform didalam membantu kerajaan menjaga keamanan rakyat Malaysia demi kelangsungan sebuah negara bangsa yang aman damai, maju dan makmur.

Hasil wawancara bersama saudara Abdul Aziz Mahmud, merupakan seorang anggota polis yang telah memberi banyak maklumat tentang pengalaman beliau dalam unit beruniform yang merupakan tulang belakang bagi kerajaan Malaysia. Ini kerana tugas polis sendiri yang memainkan peranan penting terhadap rakyat secara tidak langsung menyebabkan rakyat dinegara ini berada dalam keadaan yang cukup selamat jika dibandingkan dengan negara-negara lain didunia. Anak-anak muda sekarang patutnya bersyukur dengan keamanan yang dikecapi atas susah payah mereka dan tidak perlu merasa kepayahan dan keperitan yang dilalui datuk nenek kita yang memperjuangkan tanah air ini.

## **Biodata Tokoh**

<b>Nama</b>	Abdul Aziz Bin Mahmud
<b>Pekerjaan</b>	Ketua Polis Daerah Tanah Merah
<b>Tempat Lahir</b>	Jitra, Kedah
<b>Umur</b>	56 tahun
<b>Status</b>	Berkahwin
<b>Bilangan adik-beradik</b>	4 orang
<b>Bilangan anak</b>	2 orang
<b>Nama isteri</b>	Norizan binti Hamzah
<b>Pendidikan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sekolah Ahmad Tajudin</li><li>• Sultan Abdul Hamid College</li><li>• Universiti Malaya</li><li>• Maktab Polis Cheras</li></ul>
<b>Sumbangan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengurangkan indeks jenayah di Tanah Merah.</li><li>• Menjadi Ketua Polis Daerah paling lama bertugas.</li></ul>

# TRANSKRIP



**MH** : Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Abdul Aziz bin Mahmud. Beliau merupakan Ketua Polis Daerah Tanah Merah. Rakaman ini dijalankan di pejabat beliau pada pukul tiga lima belas petang (3.15). Wawancara ini adalah mengenai pengalaman beliau sebagai anggota polis. Wawancara ini juga dikendalikan oleh Ahmad Nor Maasom bin Agos Salim dan Muhammad Hasif bin Ahmad Mazlan. Dengan lafaz Bismillah kita jalankan sesi wawancara ini.

**MH** : Apakah nama penuh Tuan?

**AAM** : Abdul Aziz Bin Mahmud.

**MH** : Tuan ada nama panggilan dalam keluarga atau nama manja?

**AAM** : Tiada, saya tiada nama panggilan.

**MH** : Tuan dilahirkan dimana?

**AAM** : Saya dilahirkan di Jitra, Kedah

**MH** : Boleh ceritakan bagaimana Tuan boleh berpindah ke sini?

**AAM** : Saya masuk polis lewat *sikit* [sedikit], umur *dua puluh empat* [24]. Sebab sebelum itu saya bekerja *dulu* [dahulu]. *Lepas* [selepas] tahun *lapan puluh dua* [1982] saya masuk ke PDRM [Polis Diraja Malaysia] dan tamat latihan bertugas di Melaka. Di Melaka saya bertugas sebagai Polis Hutan, Bridget Utara. *Posting* [berpindah] seterusnya sebagai ketua bahagian narkotik di Hilir Perak, Perak.

*Lepas* [Selepas] itu saya melanjutkan pelajaran, saya buat diploma di Maktab Polis selama *dua* [2] tahun iaitu Diploma Sains Siasatan. *So* [jadi], *habis tu* [habis itu] saya ditukarkan di Ketua bahagian Siasatan Jenayah di IPD [Ibu Pejabat Polis Daerah] Tanah Merah. Dan pada *dua ribu tujuh* [2007], saya dinaikkan pangkat ke DSP [Deputi Supertendan Polis] ditukar ke cawangan jenayah komersial di IPK [Ibu Pejabat Polis Kontinjen] Perak, *eh sorry* [maaf] (membetulan), IPK [Ibu Pejabat Polis Kontinjen] Kelantan dan pada awal *dua ribu lapan* [2008] saya ditukarkan ke Tanah Merah sebagai KPD [Ketua Polis Daerah] sehinggalah hari ini.

**MH** : **Berapa bilangan adik-beradik Tuan?**

**AAM** : Saya ada *empat* [4] orang adik-beradik, saya nombor *tiga* [3] *lah* [tabiat bercakap].

**MH** : **Yang pasal latar belakang tadi, nak tanya anak tuan ada dua orang kan. Boleh tak bagi nama anak tuan yang pertama dan yang kedua.**

**AAM** : Yang pertama Muhd Razif bin ini lah [tunjuk diri sendiri], Abdul Aziz

**MH** : **Yang nombor dua?**

**AAM** : Yang nombor dua [2] Nor Azira

**MH** : **Yang pertama tu umur dia berapa?**

**AAM** : Dua puluh tiga [23].

**MH** : Yang kedua?

**AAM** : Nombor dua [2], dua puluh dua [22]. Yang tu [itu] dia tengah buat engineering [kejuruteraan] di TATI [Terengganu Advance Technical Institute]. Yang perempuan buat sains matematik di UIA [Universiti Islam Antarabangsa] Kuantan [terletak di Pahang].

**MH** : Kedua orang tua tuan masih hidup?

**AAM** : Kedua orang tua saya sudah meninggal.

**MH** : Ada tak adik beradik tuan yang bekerja sebagai polis?

**AAM** : Takda [tiada] saya sorang je [sahaja].

**MH** : Adik beradik lain kerja apa tuan?

**AAM** : Kerja biasa, guru, business [perniagaan] punya orang.

**MH** : Boleh tuan beritahu apa yang tuan selalu lakukan di masa lapang, ataupun hobi tuan?

**AAM** : Saya *dah* [sudah] tua-tua ni hobi *tak da* [tiada] *lah* [tabiat bercakap], dulu ada *lah*, main Golf. Sekarang *tak* [tidak] main dah, saya *jogging* [bersenam] *ja* [sahaja] petang-petang.

**MH** : Siapakah pemimpin atau tokoh yang menjadi idola dalam hidup tuan?

**AAM** : Idola saya *ka* [kah] ? Dalam *ke* [atau] luar negeri? Sorang *je* [sahaja] idola saya, Tan Sri Rahim Noor bekas KPN [Ketua Polis Negara]

**MH** : Sekolah rendah dimana?

AAM : Saya sekolah di sekolah Ahmad Tajuddin, di Jitra [terletak di Negeri Kedah].  
Sekolah aliran Inggeris.

**MH** : Selepas itu?

AAM : *Lepastu* [selepas itu] *lanjut* [melanjut] pelajaran di Sultan Abdul Hamid College di Alor Star [terletak di Negeri Kedah]. *Tu* [itu] pada tahun *tujuh puluh satu* [1971] sampai *tujuh puluh lima* [1975]. *Lepas* [selepas] habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] saya dapat kerja di Jabatan Perangkaan di KL [Kuala Lumpur]. *Lepastu* [selepas itu] baru masuk polis sampai hari *ni* [ini].

**MH** : Berbeza tak sekolah waktu tersebut dengan waktu sekarang?

AAM : *Dulu* [dahulu] susah *lah* [tabiat bercakap], sekolah *enam puluhan* [1960] *dulu* [dahulu] susah, berbanding dengan sekarang semua ada. *Dulu mana ada* [tiada] semua *ni* [ini], *tak ada* [tiada]. Bawa pensil dengan buku *ja* [sahaja]. *Takdak* [tiada] semua ni, Komputer *manada* [tiada] *dulu* [dahulu] tulis guna kapur *ja* [sahaja]. Sekarang *ni* [ini] macam-macam ada, kalau budak-budak *tak* [tidak] pandai lagi *tak* [tidak] tahu *lah* [tabiat bercakap]. Sekolah semua ada *aircond* [penghawa dingin] sekarang. Dunia *dah* [sudah] berubah, *dah* [sudah] ikut peredaran zaman. Saya bagi contoh *lah* [tabiat bercakap], kalau *dulu* [dahulu] pergi sekolah *pakai motor* [menunggang motorsikal] *tu* [itu] kira mewah *lah*. Sekarang ni *tak* [tidak] , *tu* [itu] barang keperluan, perlu ada motorsikal. Macam *handphone* [telefon bimbit] *lah*, *dulu* siapa pakai kira mewah *lah*. Sekarang *ni* [tabiat bercakap] keperluan *handphone* [telefon bimbit] *ni*.

**MH** : **Subjek kegemaran tuan dahulu?**

AAM : Ilmu Alam [Geografi] *lah*.

**MH** : **Subjek Sains?**

AAM : Saya *tak* [tidak] suka, saya memang *tak* [tidak] suka sains. Pening kepala, sains matematik [Sains dan Matematik] *ni* [tabiat bercakap] saya kurang *sikit* [sedikit] minat. Sebab *tu* [itu] kerja polis, kalau pandai *tak* [tidak] kerja polis *dah* [tabiat bercakap].

**MH** : **Kalau persatuan, kokorikulum pula?**

AAM : Banyak, saya masuk pengakap, *police cadet* [kadet polis], *army cadet* [kadet askar].

**ANM** : **Ibu bapa masa tu macam mana? Sokong tidak tuan sertai aktiviti-aktiviti kokorikulum?**

AAM : Biasa *ja* [sahaja], asalkan *tak* [tidak] buat benda *tak* [tidak] berfaedah cukup *lah* [tabiat bercakap].

**MH** : **Tamat Sekolah tuan buat apa?**

AAM : Tamat Sekolah Menengah saya *tak* [tidak] sambung *dah* [tabiat bercakap], terus kerja di Jabatan Perangkaan. *Lepastu* [selepas itu] baru saya buat diploma.

**MH : Dekat mana tuan buat diploma?**

AAM : Saya buat di UM [Universiti Malaya], *dua ribu tiga* [2003], *dua ribu lima* [2005].

**MH : Apa yang tuan banyak belajar ketika diploma?**

AAM : Saya banyak belajar Sains Forensik la, yang macam C.S.I [Crime Scene Investigation], banyak tu [itu] belajar dulu.

**MH : Aktif tak masa tuan belajar pada peringkat Diploma?**

AAM : Tak [tidak] aktif, masa tu [itu] dah [sudah] tua dah.

**MH : Masa tu umur tuan berapa?**

AAM : *Empat puluh* [40] lebih, *empat puluh lima* [45] dah [tabiat bercakap].

**MH : Memang minat ke unit beruniform ni tuan?**

AAM : Saya memang minat dari *dulu* [dahulu] lagi.

**MH : Ada sebab tak kenapa tuan minat?**

AAM : *Yela* [mengiyakan], *dulu* [dahulu] tengok polis *ni* [ini] dia kemas. Minat semula jadi.

**MH : Cabaran-cabaran ketika tuan jadi polis?**

AAM : Banyak cabaran jadi polis *ni* [ini]. Orang *tak* [tidak] tahan kerja teruk, *tak* [tidak] ada prinsip, *tak* [tidak] boleh hadapi cabaran *tak* [tidak] boleh kerja polis. Jadi polis kena sabar. Terutama kerja-kerja sebagai pegawai penyiasat, kerja *dua*

*puluh empat* [24] jam. Dalam *satu* hari *takda* [tiada] rehat, *tak* [tiada] tidur, *bawak* [bawa] ke esok sampai kes selesai. Sekarang kerja KPD [Ketua Polis Daerah] banyak tanggungjawab, sebab dalam daerah *ni* [ini] semua berkaitan keselamatan bawah Ketua Polis Daerah. Menjaga keselamatan daerah, memastikan indeks *tak* [tidak] meningkat, sentiasa bersama masyarakat, berdamping dengan masyarakat. Kena buat program-program dengan masyarakat untuk pastikan keyakinan masyarakat *kat* [dekat] polis makin tinggi. Public kena *confident* [yakin] dengan polis, kalau *tak* [tidak] *confident* [yakin] dengan polis habislah. Polis sekarang *tak* [tidak] boleh duduk diam, dia [merujuk kepada polis] kena campur dengan semua orang, semua peringkat, baik yang dewasa, pelajar kena campur. Terutama remaja-remaja *ni* [tabiat bercakap], sekarang banyak terlibat dengan aktiviti yang *tak* [tidak] sihat. Terlibat dengan jenayah, dadah dan masalah sosial. Jadi kita sentiasa berdamping dengan masyarakat supaya apa kehendak ini disampaikan kepada orang awam dan diorang terima dan faham dan sama-sama perangi jenayah. Polis kalau *tak ada* [tiada] bantuan dari orang awam, susah dalam perangi jenayah, terutama dalam penyaluran maklumat-maklumat. Kita banyak buat program dengan pelajar sekolah. Kempen bahaya dadah, buat kem motivasi masa cuti sekolah.

**MH** : Sekolah rendah atau sekolah menengah program itu dijalankan?

**AAM** : Menengah, kita bagi penerangan dekat diorang. Supaya dia [merujuk kepada pelajar] dapat kembali ke jalan yang betul.

**MH : Universiti pula?**

**AAM :** *Tak ada* [tiada], sasaran kita sekarang pelajar sekolah di daerah *ni* [ini]. Sangat penting, pelajar *dah* [sudah] terlibat dengan dadah *tak* [tidak] guna *dah* [tabiat bercakap], sebelum dia terlibat *ni* [ini] kita kenal kaunseling dia [pelajar], bagi motivasi. Kadang-kadang dia terima, kalau kita panggil dalam *seratus* [100] orang, *tujuh puluh* [70] orang terima dah cukup *okay* [baik]. *Tujuh puluh peratus* [70%] dia punya penerimaan, tinggi dah *tu* [tabiat bercakap].

**MH : Adakah respon mereka memberansangkan ?**

**AAM :** Setakat *ni okay* [baik], *feedback* [maklum balas] baik. Kita ada kerjasama dengan Jabatan Pelajaran. Contoh budak *ni* [ini] dulu ada masalah, sekarang *dah* [sudah] kurang. *Lepas* [selepas] motivasi dianjurkan dan sebagainya.

**MH : Pernah tak terfikir untuk berhenti menjadi polis?**

**AAM :** *Tak ada* [tiada]. Kerja polis *dah* [sudah] lama *dah* [tabiat bercakap], pencen nanti *lah* [tabiat bercakap]. *Dah* [sudah] sebatu hidup *ni* [ini]. Hari-hari sama, siang sama malam sama.

**MH : Adakah tuan berpuas hati dengan pencapaian sekarang?**

**AAM :** Walaupun pangkat *tak* [tidak] tinggi, tapi saya puas hati *dah* [tabiat bercakap]. Kira *okay* [baik] *lah*.



**MH** : Tuan rasa apa sebab pelajar-pelajar sekolah banyak terlibat dengan jenayah?

**AAM** : Ini semua sebab pengaruh dari rakan. Budak-budak sekolah banyak ikut cakap kawan *dari* [daripada] cakap *mak bapak* [emak dan bapa]. Apa yang kawan diorang [mereka] buat, dia pun *nak* [hendak] cuba buat. *Tak* [tidak] fikir *dulu* [dahulu] baik buruk, kesannya nanti pada diri. Kalau *dah* [sudah] salah pilih kawan, memang susah *lah* [tabiat bercakap]. Sebab *tu* [itu] program banyak dibuat di peringkat sekolah, bagi membendung benda-benda macam ini berlaku *lah* [tabiat bercakap]. Yang terlibat dengan dadah kebanyakannya pengaruh kawan, Mula-mula *try-try* [cuba-cuba] *dua tiga* [2,3] kali *try* [cuba] *okay* [boleh] lagi. Kena *lima* [5] kali, rasa sedap. *Tu* [itu] yang ketagih, keinginan *nak* [hendak] benda *tu* [itu] *tak* [tidak] boleh berhenti, kena beli. Pil kuda di Kelantan, cukup bermasalah. *So* [jadi] bila terlibat pil kuda, sebiji paling murah *dua puluh ringgit* [RM20] . Sehari sebiji. Bila *dah* [sudah] sampai tahap serius, sehari kena sebiji. *Mintak* [minta] *mak* [emak] duit, kalau *mak* [emak] *tak ada* [tiada] curi di rumah. Gelang emas semua habis. Tong gas di rumah pun curi, jual. Ini benda betul, saya pernah jumpa kes macam *ni* [ini]. Bila rumah *tak ada* [tidak] benda *nak curik* [curi], *curik* [curi] rumah jiran, rumah sebelah. Jadi peragut. Kalau cerdik, jadi pengedar kecil-kecilan. Serius masalah dadah sekarang *ni* [ini]. *Tujuh puluh lima percent* [75%] kes jenayah di tangkap, semua penagih. Bahaya dadah *ni* [tabiat bercakap], *dah* [sudah] kena susah *nak* [hendak] berhenti. Habislah, belajar *dua belas* [12] A *tak* [tidak] guna kalau ada rekod dadah. Satu lagi di pusat pemulihan, *sembilan puluh lima percent* [95%]

bangsa melayu. Sedih saya tengok. Contoh *lah* [tabiat bercakap] saya bagi *seratus* [100] orang pergi, lepas *dua* [2] tahun yang betul-betul sembuh *tak* [tidak] sampai *sepuluh* [10] orang. *Sembilan puluh percent* [90%] lagi masuk balik, dia *tak* [tidak] boleh tinggal benda *ni* [ini].

**MH** : Masalah dadah kat Kelantan ni banyak pil kuda ke ganja ?

**AAM** : Pil kuda. Sebab sempadan, sepanjang sungai *nak* [hendak] jaga *tak* [tidak] boleh. Sungai pun *kecik* [kecil]. Kalau baling pun sampai. Tak boleh nak *cover* [jaga], banyak sangat. *Tu* [itu] yang penting maklumat, dari maklumat kita buat tangkapan.

**MH** : Antara kenangan tuan menjadi pegawai polis?

**AAM** : Banyak kenangan masa jadi polis hutan *dulu* [dahulu]. Masa *tu* [itu] komunis ada lagi. Zaman tu banyak.

**MH** : Tahun bila tu?

**AAM** : *Tahun lapan puluhan* [1980]. Komunis letak senjata tahun *lapan puluh sembilan* [1989]. Saya sempat *lah* [tabiat bercakap] keluar masuk naik helikopter *dua* [2] bulan, *tiga* [3] bulan masuk hutan. Masa *tu* [itu] perit. Hari-hari dalam hutan. Masa *tu* [itu] muda lagi, boleh lagi *lah*. *Heli* [helicopter] pickup [ambil], letak dalam hutan, lepastu [selepas itu] tinggal. Cukup *time* [masa], dia *mari* [datang] *ambik* [ambil], kalau cuaca *tak* [tidak] elok, *heli* [helicopter] *tak* [tidak] boleh masuk, tunggu lagi. Kadang-kadang seminggu, kena musim hujan, *dua* [dua] minggu sangkut situ, *tak* [tidak] boleh keluar. *Tu* [itu] *lah* pengalaman

saya, yang lain biasa *ja* [sahaja]. Kalau *kat* [dekat] bandar *ni* [ini] dengan jenayah. Masa dengan narkotik *dulu* [dahulu] dengan pengedar, Berhari-hari pergi *ambush* [serang] , dalam paya pernah duduk sampai *tiga empat* [3,4] hari tapi *tak* [tidak] ada apa. Balik, kena sabar *lah* [tabiat bercakap] jadi polis *ni* [tabiat bercakap].

**MH** : Antara kes terbesar tuan hadapi?

AAM : Tak adalah, biasa *ja* [sahaja]. Kes bunuh, *tu* [itu] *last* [terakhir] saya *solve* [selesaikan]. Tangkapan dadah *tiga sembilan B* [39b Akta Dadah Berbahaya] banyak saya buat *dulu* [dahulu], semua di perak *lah* [tabiat bercakap]. Sekarang di Tanah Merah *ni tak* [tidak] banyak *dah* [tabiat bercakap]. ( Isteri Tuan Abdul Aziz masuk ke dalam bilik meminta izin pulang ke rumah). Okay sampai mana tadi?

**MH** : Kes terbesar tuan hadapi.

AAM :Bagi tahu tadi, yang banyak dadah di Perak. Kes 39b [Akta Dadah Berbahaya], ganja banyak. Berkilo-kilo *jugak* [juga] *lah*. Berapa hari tunggu, *last-last* [akhirnya] dapat *lah*.

**MH** : Anggaran nilai tangkapan dalam kes tersebut?

AAM : *Tak* [tidak] banyak *lah*, ganja sekilo baru *dua ribu* [2000] macam *tu* [itu] *ja* [sahaja]. Dapat dua belas kilo macam *tu* [itu] *lah*.

**MH** : **Penjenayah itu dihukum mati ke tuan?**

**AAM** : *Buang* [tutup] kes, susah. Narkotik kalau kita bicara *ni* [tabiat bercakap] banyak. Yang pertama *nak* [hendak] buktikan, *knowledge* [pengetahuan] dia pada barang *tu* [itu]. Lepas pada *knowledge*, *intention* [niat] dia ada. Niat dia ada, *possession* [pemilikan] dia tau dia punya. Banyak teknikal yang kena buktikan kalau narkotik. *So* [jadi] kes-kes besar yang baru *ni* [ini] pun boleh dikatakan bukan senang. (Bunyi telefon bimbit) Ingat lagi tak kes rompakan senjata M16 [sejenis senapang] di Tanah Merah tahun lepas, hujung tahun lepas?

**MH** : **Hujung tahun lepas? Tak perasan pun tuan.**

**AAM** : Ada, dalam setengah jam kita dapat tangkap penjenayah dengan M16 sekali kita rampas.

**MH** : **Dekat mana tuan tempat tu?**

**AAM** : Dekat sini *lah* [tabiat bercakap], Tanah Merah.

**MH** : **Buat sekatan?**

**AAM** : *Follow up* [siasatan] *lah*, *follow up*. Kita kejar-kejar, kita dapat tangkap. Lepas setengah jam, penjenayah dapat, M16 dapat. *Tu* [itu] kita *highlight* [terangkan] kes *tu* [itu] *lah* [tabiat bercakap].

**MH** : **Sejata tu dia dapat macam mana tuan?**

**AAM** : Ha? [tidak faham soalan]

**MH : Senjata tu mereka dapat dari mana?**

AAM :Thailand, dia seludup

**MH :Geng kongsi gelap ke tuan?**

AAM :Takda, geng ini *lah*, melayu punya *group* [kumpulan]. Dia *takdak* [tiada] sendiket, dia *dua tiga* [2,3] orang *je* [sahaja].

**MH : Apakah matlamat dan pencapaian tuan tercapai?**

AAM :Bagi saya *okay* [baik] *lah*. Saya *dah* [sudah] kerja sini pun sebagai OCPD [Official Chief Police Deputy] *tujuh* [7] tahun. Cukup lama, belum ada orang OCPD [Official Chief Police Deputy] *tujuh* [7] tahun. Tapi saya *dah* [sudah] *tujuh* [7] tahun. Saya boleh tahan *okay* [baik] *lah* [tabiat bercakap]. Kerja OCPD [Official Chief Police Deputy] tanggungjawab dia berat. Kemudian akauntabiliti lagi berat. Akauntibiliti *ni* [ini] yang pening. Anggota buat hal, saya menjawab. Pegawai buat hal, saya menjawab. Ada apa, saya menjawab. Padahal benda *tu* [itu] *tak* [tidak] patut salah tapi akauntabiliti, *tak* [tidak] boleh lari, itu masalahnya.

**MH :Ada kah kes anggota polis terlibat jenayah?**

AAM : Ada. Memang ada *tak* [tidak] boleh lari. Sebab bila *dah* ratus ribu, dia mesti ada sorang *dua* [2] *lah* perangai macam *ni* [ini]. Tapi Insya'Allah di Tanah Merah, *tujuh* [7] tahun belum ada lagi yang terlibat. Tapi biasa *lah* bila ramai, masalah disiplin *tu* [itu] mesti ada. Kalau kata *takda* [tiada] masalah disiplin *ni* [tabiat bercakap], *tak* [tidak] betul *lah*. Mana ada orang *perfect* [sempurna]. Mesti ada *ni*

tindakan disiplin sebab perkara-perkara *ni* [ini] *lah* [tabiat bercakap]. Terlibat dengan jenayah, dadah di Tanah Merah *ni takda* [tiada], *okay* [baik].

**MH : Adakah tips-tips yang ingin dikongsikan kepada anak-anak muda yang berminat menjadi anggota polis ?**

**AAM :** Tips menarik yang saya kata, *nak* [hendak] jadi anggota polis *ni* [ini] sanggup menghadapi cabaran. Mesti sabar, sanggup bekerja, sanggup terima arahan. Kena kerja sepenuh masa, *tak* [tidak] boleh kata cincai dalam polis *ni* [ini]. Kerja polis *ni* [ini] *dua puluh empat* [24] jam. *Tak* [tidak] ada masa. Kata *off* [cuti], pukul *lima* [5] kerja office. Nanti malam saya keluar lagi, kena melawat lokap, kena pergi *check* [periksa] anggota, pergi melawat balai. Itu rutin punya kerja.

**MH :Kira tuan ada walkie talkie kan?**

**AAM :** Ada. Dia kena ada *walkie talkie* [alat berhubung] sebab nak *monitor* [kawal] semua anggota-anggota bawah tu pakai *walkie talkie lah* [tabiat bercakap].

**MH : Tuan pernah terlibat dalam situasi tembak menembak tak?**

**AAM :** *Takda* [tiada].

**MH : Tak pernah lah?**

**AAM :** Ada *lah*, masa *nak* [hendak] tangkap *tu* [itu] ada *lah* tembak-tembak tapi tak ada mengena penjenayah *lah* [tabiat bercakap]. Tembak ada juga *dua tiga* [2,3] kali. Kalau dia *tak nak* [tidak hendak]berhenti saya tembak *lah* tayarnya dulu *lah*, tembak keatas. Kalau yang masa tengah berlaku samun *ke apa face to face*

[bersemuka] *live* [secara langsung] *ni tak ada* [tiada] lagi *lah*. Macam tembak dia [penjenayah] ada *lah*, faham dia nak langgar kita tembak *lah* tayar dia. Ada *lah tu*.

**MH** : **Dekat sini ada tak rompak kedai emas?**

**MAA** :Jangan *mintak* [minta] *lah*. *Tak ada* [tiada] lagi. *Tu* [itu] yang M16 tu kedai runcit.

**MH** : **Tips menjadi polis yang baik?**

**MAA** : Sikap *tu* [itu] *lah* [tabiat bercakap] kena ada. Keikhlasan, kerja dengan penuh ikhlas. Orang kata *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] merungut *lah* kerja lebih. Kadang-kadang, kerja polis *ni* [ini] kadang-kadang *eh* benda *dua* [2] jam *delay* [tangguh] jadi *empat* [4] jam, kadang *lima* [5] jam. Macam tengok baru ni, GST [Good and Service Tax] baru *ni* [ini]. Yang apa erm..... yang pembangkang buat *dulu* [dahulu] Bersih [perhimpunan tunjuk perasaan] apa semua kan. Saya bagi contoh, di Kelantan, di Tanah Merah pun ada bagi *bantu* [bantuan]. Dari sini berlepas pagi, malam sampai sana, tengah malam pukul *dua tiga* [2,3] baru *settle* [selesai] tempat tidur apa semua. Tidur biasa *je* [sahaja], makan malam pukul *sebelas* [11] tadi, pukul *tiga* [3] *settle* [selesai] pukul *lima* [5] dah keluar. *Dua* [2] jam je berehat. Hmm, saya bagi contoh [tabiat bercakap], jadi polis kena sabar. Rehat *dua* [2] jam, terus keluar tugas operasi Bersih sampai ke malam. Ha *tu* [itu] kena baling, kena maki, *tu* [tabiat bercakap] kena sabar. Makan *tak ada* [tiada], mana ada makan. Tunggu *block* [halang], dating-datang dapat air mineral *je* [sahaja]. Sampai ke malam baru *stand down* [berkurang]. Tengok kalau *tak* [tidak] sabar *tak* [tidak] boleh jugak. Polis *ni* kalau makan nombor *dua* [2] *lah, tak*

[tidak] boleh tinggal tempat. Pasal mana nak hantar makanan kat operasi Bersih [tabiat bercakap]. Minum air mineral *je* [sahaja], sebotol sebotol sebotol sampai ke malam. *Dah la* [sudahlah] rehat *dua* [2] jam *je* [sahaja], balik pulak *standby* [bersedia] *pulak* [pula] esok. Ha *tu* [itu] *lah* saya bagi contoh, kena sabar jadi polis *ni* [tabiat bercakap].

**MH** : Pada pandangan tuan, adakah keadaan di Malaysia ni terkawal ? Terkawal dari segi maksud keselamatan.

**MAA** : Saya bagi contoh *lah* [tabiat bercakap], bagi saya walaupun kita tengok banyak kejadian-kejadian tembakan, rompakan, pecah rumah sana sini, bagi saya keadaan di Malaysia *ni* [ini] terkawal. Cuma di setengah-setengah tempat, dimana kita panggil *hotspot area* [kawasan panas] *ni*, contoh di Lembah Klang, Johor Bahru, *Penang* [Pulau-Pinang], bandar-bandar besar, faham *lah* bila di bandar besar macam-macam hal. Tetapi kita tengok di kawasan pedalaman, luar bandar macam Kelantan, Terengganu *okay* [baik] *lah*. Contoh dia selamat *tak* [tidak] selamat saya bagi tahu. Bila masuk rumah malam tidur rasa takut *tak* [tidak] ? Nak tidur tu bimbang *tak* [tidak] ? *Okay* [baik] kan. Kalau kata keseluruhan *lah* secara umumnya, kalau keselamatan *tak* [tidak] terjamin, kunci pintu, kunci rumah kunci grill itu takut, sampai tahap *tu* [itu] dah kategori keadaan keselamatan *tak* [tidak] terjamin sepenuhnya. Walaupun kita takut, *tak* [tidak] kena pecah pun rumah. Nasib *lah*, betul *tak* [tidak]? Tu berbalik pada tadi, banyak-banyak pecah rumah ni penagih dadah dan sekarang ni pendatang haram. Haa ini yang masalah.



**MH** : Yang indon ?

**AAM** : Bukan indon [Indonesia] je, Myanmar pun jahat. Kadang-kadang tangkap pecah rumah Myanmar banyak. Yang pecah rumah *group-group* [kumpulan-kumpulan] latin Amerika. Pakai *smart* [kemas], sewa kereta besar, pecah rumah siang hari. *Tu* [itu] satu sendiket *tu*. Dari pada negara latin Bolivia, Columbia puak ni *eh*. Ada, pernah dengar kan? Tu bagi saya *lah*, keadaan di Malaysia *ni* [ini] selamat tetapi di *setengah* [sesetengah] tempat bila dia dah tengok sendiri dia rasakan diri dia *nak* [hendak] tidur kunci pintu rasa *tak* [tidak] sedap *tak* [tidak] selamat. Haa itu perasaan, sebab apa ? Sebab dia tengok rumah sebelah rumah dia *dah* [sudah] kena. Trauma dia ada sebab orang yang biasa kena pecah rumah *ni* [ini] trauma lain. Sampai bila-bila dia trauma. Kena pulak yang samun kena ikat, dia akan trauma. Yang mana boleh tutup pintu, tutup lampu tidur terus nyenyak tidur, selamat *lah* kawasan *tu* [itu]. Misal kata kunci grill dua tiga lapis, tutup lampu *nak* [hendak] tidur takut-takut, *tu* [itu] kategori lain *lah* [ tabiat bercakap]. *Tak* [tidak] semua tempat, macam saya kata *lah* polis *ni* [ini] seratus ribu *nak* [hendak] jaga *tiga puluh dua* [32] juta rakyat. *Tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] *cover* [jaga] semua *lah*.

**MB** : Ada pengambilan lagi ke, macam naikkan quota untuk ambil anggota baru?

**AAM** : Pengambilan *ni* [ini] wajib ada *tiap-tiap* [setiap] tahun. Dalam setahun *dua* [2] kali bagi menampung yang bersara, ada yang berhenti, yang meninggal dan sebagainya. Ada yang kena buang kerja.

**MB** :Biasa ambil dari PULAPOL kan?

AAM :Banyak sekarang, pusat latihan polis banyak sekarang ditubuhkan.

**MH** :Kalau macam kami Degree?

AAM :Ha? [tidak faham]

**MH** :Kalau macam kami degree hendak masuk polis?

AAM :Kalau *degree* [ijazah] masuk selalu dia pergi ke maktab.

**MH** :Maktab terus la tuan?

AAM :Maktab di Cheras [terletak di Kuala Lumpur], Semua.

**MH** :Tapi kena lulus ujian fitness la tuan?

AAM :Haa yang penting fizikal, kalau *okay* [baik] fizikal, *okay* [baik]. Kalau fizikal *tak* [tidak] *okay*, *cabal* [orang dalam] besar *ni* [ini] pun *tak* [tidak] boleh tolong. Fizikal penting *eh*. Mata, cara berjalan, tubuh badan sihat, tinggi cukup berat cukup.

**MH** : Kalau rabun tak boleh lah?

AAM :Tak boleh, Kenapa? Minat jadi polis? Haha [gelak]. Okay apa lagi.

**MH** : Tuan galakkan tak anak-anak tuan ceburi bidang ni?

AAM :Saya *nak* [hendak] galakkan pun tidak. Terpulangnya dia *nak* [hendak] masuk minat mana.

**MH** : Ikut dia lah?

**AAM** : Kerja sekarang ni *tak* [tidak] boleh memilih. Susah, banyak persaingan sekarang ni [ini]. Tapi *tu* [itu] lah saya kata, kalau *nak* [hendak] jadi polis, kena betul-betul tabah hadapi cabaran, kalau tak *sorry* [maaf] lah. Baik dari peringkat bawah sampai lah pegawai, banyak cabarannya.

**MH** : Nak tanya pandangan tuan tentang berita semasa macam pembangkang jatuhkan imej polis dengan mengaitkan pasal politik. Apa pandangan tuan?

**AAM** :Pendapat saya, pembangkang ni semua kerajaan buat salah. Kira macam ni [ini] lah, pembangkang ni [ini] (bunyi telefon bimbit) dia tahu PDRM [Polis Di Raja Malaysia] ni [ini] penguatkuasa utama di negara kita dan menjadi tulang belakang kepada kerajaan. Ini penting, menjaga keamanan, keselamatan. Kalau negeri tak aman, kerajaan boleh goyang. Jadi kita kerja memastikan keselamatan, kerajaan ini kuat. *Tu* [itu] yang dia amik isu-isu nak hentam kerajaan dia masukkan polis. Itu memanglah politik, tapi jika ditakdirkan esok *group-group* [kumpulan-kumpulan] ni [ini] yang memerintah siapa yang duduk belakang dia ? Polis juga. Dia benda macam tu lah, faham tak? Esok katalah pembangkang akan menang, contohlah pembangkang jadi pemerintah Negara. Dia ada ambil polis lain? Dia *nak* [hendak] lantik orang lain jadi polis? Polis yang ada juga. Polis ni [ini] dia akan bekerja untuk kerajaan yang memerintah pada masa *tu* [itu]. *Tak* [tidak] kira dia pembangkang, dia jadi pembangkang dia jadi kerajaan *la kan*. Saya bagi contoh kalau BN [Barisan Nasional] tumbang, Pakatan Rakyat jadi pemerintah. Jadi dibelakang dia polis juga. Dia [polis] wajib ikut arahan dari kerajaan

walaupun dia dulu pembangkang. Itu biasa lah, *tu* [itu] la dia kata dia faham polis *ni*. Kalau polis *ni* [ini] kuat, kerajaan pun kuat. *Yang tu* [sebab itu] dia *nak* [hendak] jatuhkan imej supaya orang *tak* [tidak] ada *confident* [keyakinan] dengan polis. Nampak ? Itu *je* [sahaja] sebenarnya pembangkang.

**MH : Sumber inspirasi tuan?**

AAM :Inspirasi? *Takda* [tiada] *lah* [tabiat bercakap] inspirasi.

**MH : Tuan rasa tuan akan berpindah ke tempat lain lepas ini?**

AAM :*Tak ada* [tiada] *dah* saya nak bersara *dah* [tiada bercakap]. Saya *nak* [hendak] bersara awal.

**MH : Tahun depan ke tuan?**

AAM : Tengok *lah* [tabiat bercakap], sebab saya *nak* [hendak] pergi haji tahun *ni* [ini]. Balik haji tengok *lah* [tabiat bercakap] macam mana.

**MH : Tuan tunggu panggilan dari tabung haji ke macam mana?**

AAM : Nama *dah* [sudah] naik *dah*, kalau *tak* [tidak] pergi rugi, sampai mati pun *tak* [tidak] boleh pergi. Kalau kita *reject* [menolak] *kan, sepuluh* [10] tahun pun belum tentu dia panggil balik, rugi *lah* [tabiat bercakap].

**MH :Tuan pernah pergi umrah?**

AAM : Isteri saya *dah* [sudah] pergi *dah, dua* [2] kali. Kita daripada dulu, puluh tahun kerja, bila nak rehat. Esok bila kita lambat-lambat pencen, *dah* [sudah] sakit *tak* [tidak] guna *dah*. Masa sihat *ni* [ini], masa pencen *tu* kita berehat. Boleh pergi

mana kita suka, *tak* [tidak] terikat dengan siapa *dah* [sudah]. Telefon pun tutup, angkat pun *tak* [tidak] payah *dah*. Sekarang *dua puluh empat* [24] jam kena *bawak* [bawa] telefon. *Tak* [tiada] boleh pergi mana.

**MH** : **Tuan rasa nanti dah penceen rasa rindu tak dekat kerja ni?**

**AAM** : *Tiga puluh* [30] tahun lebih *dah* [sudah] kerja, pening *dah* [tabiat bercakap]. *Tak ada* [tiada] rindu *lah*. Rehat betul-betul, cuci otak *ni* [tabiat bercakap], *tak da* [tiada] pening apa *dah*.

**MH** : **Tuan nanti masa penceen tuan rancang macam mana?**

**AAM** : *Nak* [hendak] balik kampung, duduk Kedah. Duduk kampung *lah*, rileks.

## **Senarai Soalan**

### **Latar Belakang**

1. Apakah nama penuh Tuan?
2. Tuan ada nama panggilan dalam keluarga atau nama manja?
3. Tuan dilahirkan dimana?
4. Boleh ceritakan bagaimana Tuan boleh berpindah ke sini?
5. Berapa bilangan adik-beradik Tuan?
6. Nama isteri tuan?
7. Adakah isteri tuan bekerja?
8. Berapa bilangan anak tuan?
9. Siapa nama anak-anak tuan?
10. Sudah bekerja atau masih belajar?
11. Boleh tuan beritahu apa yang tuan selalu lakukan di masa lapang, ataupun hobi tuan? .
12. Siapakah pemimpin atau tokoh yang menjadi idola dalam hidup tuan?
13. Sekolah rendah dimana?
14. Selepas itu?
15. Berbeza tak sekolah waktu tersebut dengan waktu sekarang?
16. Subjek kegemaran tuan dahulu?
17. Subjek Sains?
18. Kalau persatuan, kokorikulum pula?
19. Ibu bapa masa tu macam mana? Sokong tidak tuan sertai aktiviti-aktiviti kokorikulum?
20. Tamat Sekolah tuan buat apa?
21. Dekat mana tuan buat diploma?
22. Apa yang tuan banyak belajar ketika diploma?.
23. Aktif tak masa tuan belajar pada peringkat Diploma?
24. Masa tu umur tuan berapa?
25. Memang minat ke unit beruniform ni tuan?
26. Ada sebab tak kenapa tuan minat?

## **Pengalaman dalam kerjaya**

27. Cabaran-cabaran ketika tuan jadi polis?
28. Sekolah rendah atau sekolah menengah program itu dijalankan?
29. Universiti pula?
30. Adakah respon mereka memberansangkan ?
31. Pernah tak terfikir untuk berhenti menjadi polis?
32. Adakah tuan berpuas hati dengan pencapaian sekarang?
33. Tuan rasa apa sebab pelajar-pelajar sekolah banyak terlibat dengan jenayah?
34. Masalah dadah kat Kelantan ni banyak pil kuda ke ganja ke?
35. Antara kenangan tuan menjadi pegawai polis?.
36. Tahun bila tu?
37. Antara kes terbesar tuan hadapi?
38. Kes terbesar tuan hadapi.
39. Anggaran nilai tangkapan dalam kes tersebut?
40. Penjenayah itu dihukum mati ke tuan?
41. Hujung tahun lepas? Tak perasan pun tuan.
42. Dekat mana tuan tempat tu?
43. Buat sekatan?
44. Senjata tu dia dapat macam mana tuan?
45. [ulang soalan] Senjata tu mereka dapat dari mana?
46. Geng kongsi gelap kea pa tuan?
47. Apakah matlamat dan pencapaian tuan tercapai?
48. Ada kah kes anggota polis terlibat jenayah?
49. Adakah tips-tips yang ingin dikongsikan kepada anak-anak muda yang berminat menjadi anggota polis ?
50. Kira tuan ada walkie talkie kan?
51. Tuan pernah terlibat dalam situasi tembak menembak tak?
52. Tak pernah lah?
53. Dekat sini ada tak rompak kedai emas?

54. Tips menjadi polis yang baik?

### **Pendapat**

55. Pada pandangan tuan, adakah keadaan di Malaysia ni terkawal ? Terkawal dari segi maksud keselamatan.

56. Yang indon [merujuk kepada bangsa]?

57. Ada pengambilan lagi ke, macam naikkan quota untuk ambil anggota baru?

58. Biasa ambil dari PULAPOL kan?

59. Kalau macam kami Degree?

60. Kalau macam kami degree hendak masuk polis?

61. Maktab terus la tuan?

62. Tapi kena lulus ujian fitness la tuan?

63. Kalau rabun tak boleh lah?

64. Tuan galakkan tak anak-anak tuan ceburi bidang ni?

65. Ikut dia lah?

66. Nak tanya pandangan tuan tentang berita semasa macam pembangkang jatuhkan imej polis dengan mengaitkan pasal politik. Apa pandangan tuan?

67. Sumber inspirasi tuan?.

### **Mengulangi soalan berkenaan latar belakang**

68. Yang pasal latar belakang tadi, nak tanya anak tuan ada dua orang kan. Boleh tak bagi nama anak tuan yang pertama dan yang kedua.

69. Yang no dua?

70. Yang pertama tau umur dia berapa?

71. Yang ke dua?

72. Kedua orang tua tuan masih hidup?.

73. Ada tak adik beradik tuan yang bekerja sebagai polis?

74. Adik beradik lain kerja apa tuan?

75. Tuan rasa tuan akan berpindah ke tempat lain lepas ini?

76. Tahun depan ke tuan?

77. Tuan tunggu panggilan dari tabung haji ke macam mana?



78. Tuan pernah pergi umrah?

79. Tuan rasa nanti dah pencen rasa rindu tak dekat kerja ni?

80. Tuan nanti masa pencen tuan rancang macam mana?

**Log Temubual**

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA / TEMPAT DIRUJUK
0.42	Latar belakang tokoh berkaitan nama.	1. Abdul Aziz Bin Mahmud
0.55	Latar belakang tokoh berkaitan tempat lahir	2. Jitra, Kedah
1.10	Latar belakang berkaitan sejarah permulaan kerjaya sebagai polis	3. PDRM 4. Polis Hutan 5. Bridget Utara 6. Bahagian Narkotik 7. Maktab Polis 8. Diploma Sains Siasatan 9. Bahagian Siasatan Jenayah 10. Ibu Pejabat Polis Tanah Merah 11. Deputi Supertendan Polis 12. Cawangan Jenayah Komersial

		<p>13. Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak</p> <p>14. Kelantan</p> <p>15. Tanah Merah</p> <p>16. Ketua Polis Daerah</p>
2.30	Latar belakang tentang bilangan adik beradik isteri dan sebagainya	<p>1. UIA Kuantan</p> <p>2. Tati University</p> <p>3. Pembantu Tadbir</p> <p>4. Norizan binti Hamzah</p> <p>5. Muhammad Razif</p> <p>6. Nor Azira</p>
3.30	Tentang Hobi dan idola	<p>1. Golf</p> <p>2. Jogging (Bersenam)_</p> <p>3. Tan Sri Rahim Noor</p> <p>4. Bekas Ketua Polis Negara</p>
4.07	Sejarah Pendidikan, kerjaya	<p>1. Sekolah Ahmad Tajuddin</p> <p>2. Jitra, Kedah</p> <p>3. Sultan Abdul Hamid College</p>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>4. Alor Star</li> <li>5. Sijil Pelajaran Malaysia</li> <li>6. Jabatan Perangkaan</li> <li>7. Kuala Lumpur</li> <li>8. Polis</li> <li>9. Pengakap</li> <li>10. Kadet Polis</li> <li>11. Kadet Askar</li> </ul>
9.12	Perkara ketika di peringkat Diploma	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Universiti Malaya</li> <li>2. Diploma Sains siasatan</li> <li>3. Sains Forensik</li> <li>4.</li> </ul>
9.26	Pengalaman di peringkat diploma	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Sains Forensik</li> <li>2. Crime. Scene Investigation</li> </ul>

**Bahagian B**

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT DIRUJUK
12.38	Cabaran berkerja sebagai polis	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ketua Polis Daerah</li><li>2. Program</li><li>3. Jenayah</li><li>4. Dadah</li><li>5. Masalah Sosial</li><li>6. Remaja</li><li>7. Kempen</li><li>8. Indeks Jenayah</li></ol>
15.23	Program dijalankan sepanjang berkhidmat	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Sekolah Menengah</li><li>2. Daerah</li><li>3. Motivasi</li><li>4. Jabatan Pelajaran</li></ol>
23.31	Pendapat tentang pelajar terlibat	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pil Kuda</li></ol>

	jenayah dan dadah	<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Kelantan</li> <li>3. Tong gas</li> <li>4. Gelang emas</li> <li>5. Penagih</li> </ol>
27.59	Pengalaman sebagai polis hutan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komunis</li> <li>2. Helikopter</li> <li>3. Narkotik</li> </ol>
29.42	Antara kes terbesar	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kes Bunuh</li> <li>2. Seksyen 39(b)</li> <li>3. Tangkapan Dadah</li> <li>4. Tanah Merah</li> </ol>
32.00	Hukuman berkaitan jenayah dadah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Narkotik</li> <li>2. M16</li> </ol>
32.56	Rompakan M16 di tanah merah	<ol style="list-style-type: none"> <li>3. M16</li> <li>4. Thailand</li> </ol>
34.00	Pencapaian matlamat diri	<ol style="list-style-type: none"> <li>5. OCPD</li> </ol>
35.00	Tips untuk anak muda berminat	

	menjadi polis	
36.40	Penglibatan dalam kejadian tembak menembak	
37.40	Tips menjadi polis yang baik	6. Ops Bersih  7. GST

**Bahagian C**

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ PERKARA DIRUJUK
39.37	Pandangan tentang keselamatan di Malaysia	1. Lembah Klang  2. Johor Bahru  3. Pinang  4. Luar Bandar  5. Kelantan  6. Terengganu  7. Pemandang Haram  8. Indon

		<p>9. Myanmar</p> <p>10. Latin Amerika</p> <p>11. Latin Bolivia</p> <p>12. Columbia</p>
42.39	Pengambilan Anggota baru	<p>1. PULAPOL</p> <p>2. Maktab</p> <p>3. Cheras</p> <p>4. Ujian Fitness</p> <p>5. Ujian Fizikal</p>
43.48	Galakan terhadap anak anak untuk mengikut jejak langkah sendiri	
44.35	Pandangan terhadap pembangkang yang menjadikan polis sebagai satu isu politik	<p>1. PDRM</p> <p>2. Negara</p> <p>3. BN (Barisan Nasional)</p> <p>4. Pakatan Rakyat</p>



## **Indeks**

### **A**

Akauntibiliti, 14

Amerika, 18

anggota, 1, 14, 15, 19

### **B**

bandar, 11, 17

beruniform, 7

Bolivia, 18

Bridget Utara, 2

bunuh, 12

business, 3

### **C**

cabaran, 7, 15, 20

Columbia, 18

dadah, 8, 10, 11, 12, 15, 18

### **D**

degree, 19

diploma, 2, 6

Diploma Sains Siasatan, 2

disiplin, 15

DSP, 2

## **E**

engineering, 3

## **F**

fizikal, 20

Forensik, 6

## **G**

ganja, 11, 12

geng, 14

guru, 3

GST, 16

## **H**

helikopter, 11

Hilir Perak, 2

hobi, 3, 4

## **I**

Idola, 4

IPD, 2

IPK, 2

## **J**

jenayah, 2, 8, 9, 10, 11, 14, 15

Jitra, 1, 4

## **K**

kaunseling, 8

Kedah, 1, 4, 23

Kelantan, 2, 10, 11, 16, 17

Kempen, 8

kerajaan, 21

keselamatan, 7, 17, 21

ketagih, 10

Ketua bahagian Siasatan Jenayah, 2

Komputer, 5

komunis, 11

KPD, 2, 7

KPN, 4

Kuantan, 3

## **L**

latin, 18

lokap, 15

## **M**

M16, 13, 16

maklumat, 8, 11

maktab, 19

Maktab Polis, 2

Malaysia, 1, 4, 17, 18, 21

matematik, 3, 5

Melaka, 1

melayu, 10, 14

Minat, 7, 20

motivasi, 8, 9

Myanmar, 18

## **N**

narkotik, 2, 11, 13

Negara, 4, 21

## **O**

OCPD, 14  
operasi, 17

## **P**

Pakatan Rakyat, 21

PDRM, 1, 21

pegawai, 7, 11, 20

pembangkang, 16, 20, 21

pencen, 9, 22, 23

pendatang, 18

pengakap, 5

pengaruh, 9

pengedar, 10, 11

penjenayah, 13, 16

Perak, 2, 12

polis, 1, 3, 4, 5, 7, 9, 11, 12, 14, 15, 16, 19, 20,  
21

Polis Hutan, 2

program, 7, 8, 10

PULAPOL, 19

## **S**

sains, 3, 5

samun, 16, 18

sekolah, 4, 8, 9

sendiket, 14, 18

senjata, 11, 13

sosial, 8

SPM, 4

## **T**

Tanah Merah, 1, 2, 12, 13, 14, 16

tembak, 15, 16

Thailand, 14

Trauma, 18

## **U**

UIA, 3

Universiti, 3, 6, 8



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Abd. Aziz b. Mahmud Pada 26/4/2014

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat ~~selama-lamanya~~.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disernak oleh pengkisah (Interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyedik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyedik-penyedik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyedik-penyedik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

**ABD AZIZ B. MAHMUD) DSP**  
KETUA POLIS DAERAH  
TANAH MERAH  
KELANTAN

Dr. Hj Ghazali Bin Osman,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.



**Gambar kenangan bersama Ketua Polis Daerah Tanah Merah**

**Encik Abdul Aziz Mahmud**